

Rakyat Kelantan perlu lakukan perubahan pada PRU-13



MOHAMAD Fatmi Che Salleh (kiri) menyampaikan Anugerah Kehormat Ahli POKB kepada Mohd. Fauzi Ramlan sambil diperhatikan Shukry Mohd. Salleh (dua dari kiri) dan Nik Izani Nik Ibrahim di UPM, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

KUALA LUMPUR 15 Mac - Rakyat Kelantan perlu melakukan perubahan pada Pilihan Raya Umum Ke-13 nanti bagi memastikan kesinambungan pembangunan di negeri itu dapat diurus tadbir dengan baik di bawah Barisan Nasional (BN).

Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Mohamad Fatmi Che Salleh berkata, sepanjang 23 tahun Kelantan di bawah pimpinan kerajaan Pas, negeri itu gagal melaksanakan perubahan dari segi ekonomi.

"Negeri itu gagal menyediakan peluang pekerjaan kepada golongan muda Kelantan sehingga mereka terpaksa berhijrah ke negeri-negeri lain.

"Berdasarkan statistik, menunjukkan golongan itu berhijrah kerana peluang pekerjaan yang terbatas ekoran kegagalan tadbir urus ekonomi kerajaan Pas," katanya.

Beliau berkata demikian ketika

berucap dalam Program Sembang Santai Bersama Datuk Fatmi di Universiti Putra Malaysia (UPM), baru-baru ini.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri yang juga Pengerusi Majlis Pemikir dan Pemandu Persatuan Orang Kota Bharu (OKB), Datuk Seri Shukry Mohd. Salleh, Timbalan Presiden Persatuan OKB, Datuk Nik Izani Nik Ibrahim dan Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan.

Pada majlis itu, Mohamad Fatmi turut menyampaikan Anugerah Ahli Kehormat Seumur Hidup OKB kepada Mohd. Fauzi.

Bagi menghargai jasa perjuangan-pejuang negara yang terkorban di Lahad Datu, Sabah, Mohamad Fatmi turut menyerahkan sumbangan kutipan Tabung Wira Lahad Datu kepada Pengarah Urusan

Mydin Mohamad Holdings Berhad, Datuk Wira Dr. Ameer Mydin.

Mohamad Fatmi yang juga Penasihat Persatuan OKB berkata, beliau yakin BN Kelantan berkemampuan menangani masalah yang dihadapi oleh rakyat Kelantan.

"Mereka perlu melakukan perubahan pada pilihan raya umum ini bagi memastikan pembangunan di negeri itu dapat dilaksanakan seperti dijanjikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini.

"Sekiranya BN diberi mandat untuk mentadbir Kelantan, saya yakin negeri ini mampu menjana ekonomi dan ditadbir urus dengan baik.

"Justeru itu, saya menyeru semua rakyat Kelantan sama ada yang berada di negeri ini atau di perantauan untuk memberikan mandat kemenangan kepada BN," katanya.